

NO. SOALAN: 103

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN

[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : 10 JUN 2014

SOALAN :

YB Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan pembinaan hospital Kerajaan di Petaling Jaya memandangkan Kerajaan Negeri Selangor sudah memperuntukkan sebidang tanah di PJS5 untuk tujuan itu.

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini Kementerian belum ada perancangan untuk membina hospital kerajaan di Petaling Jaya kerana tidak mempunyai tapak. Berkenaan peruntukan sebidang tanah di PJS5 untuk tujuan pembinaan Hospital berkenaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak menerima sebarang permohonan/tawaran secara rasmi daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi tapak pembinaan Hospital Petaling Jaya berkenaan.